



# Jurnal Skrin

Vol.1:2004

## Malaysia

Fakulti Seni Persembahan

**Penerbitan Filem Dokumentari: Satu Tinjauan Terhadap Perkembangan Sejarah dan Teknologi**  
*Raja Ahmad Alauddin*



**Metaphors of "The Female" in Malay Movies**  
*Fuziah Kartini Hassan Basri & Faridah Ibrahim*



**Genre and Pleasure: The Case of Malay(sian) Romantic Comedy**  
*Norman Yusoff*



**Fundamentals of Screenwriting: The First Step**  
*Wan Aida Wan Yahaya*



**Penarek Becha: Paradigma dalam Sinema Melayu**  
*Ayu Haswida Abu Bakar*



**Penilaian Semula Status "Industri" Perfileman di Malaysia**  
*Md Rushdi Kubon Md Shariff & Aidi Rahimi Hj Ibrahim*



**Persoalan Ontologi dan Epistemologi dalam Teks Dokumentari**  
*Ibrahim Jamaluddin*

**KOMENTAR**  
**Industri Filem Kita: Permasalahan dan Masa Depannya**  
*A Razak Mohaideen*

**CATATAN**  
**Media Elektronik di Malaysia: Suatu Catatan Sejarah Ringkas**  
*Mohd Nordin Abdul Rahman*

**RUANGAN KHAS**  
**Teks Puisi Sebagai Refleksi Imej Alam Melayu**  
*Abd Ghafar Ibrahim*

# CATATAN

## Media Elektronik di Malaysia: Suatu Catatan Sejarah Ringkas

*Mohd Nordin Abdul Rahman*

*Catatan ini secara ringkasnya meninjau perkembangan media elektronik di tanah air yang telah bermula dengan perkembangan radio dan penggunanya pada zaman Jepun. Setelah merdeka, media ini telah berkembang ke Sabah dan Sarawak sehingga bermulanya pula televisyen di Tanah Melayu. Kini, media elektronik televisyen telah berkembang ke arah penubuhan beberapa buah stesen televisyen yang baru.*

Media elektronik (radio dan televisyen) di Nusantara, rata-rata dimiliki oleh pemerintah. Walaupun kini terdapat milik swasta tetapi tetap tertakluk kepada kod atau garis panduan yang ditentukan oleh pemerintah. Meskipun milik pemerintah, rakyat berhak serta berpeluang memberikan kerjasama, melalui petugas yang menyelenggarakan isi kandungan persembahan, sama ada memberikan secara fizikal atau moral. Baik secara langsung atau tidak langsung. Menyebut milik pemerintah tentulah kedua alat elektronik ini amat penting, terkawal dan segala anggota kerjayanya tertakluk di bawah Perintah Am Kerajaan.

### Kemunculan Awal Radio

Radio bermula di Malaysia (Malaya ketika itu) pada tahun 1940, di stesen dan penyiaran dari Singapura, di Thomson Road dengan nama Radio Malaya. Radio Singapura belum wujud, rakyat Singapura menggunakan siaran yang sama kerana ketika itu Singapura adalah sebahagian daripada Tanah Melayu. Pengaruh radio mula menular dan kemudiannya berakar umbi dalam kehidupan rakyat Semenanjung Tanah Melayu (Malaya) di luar bandar. Bagaimanapun mereka yang berada atau kaya dan separuh kaya sahaja mampu membeli radio ketika itu. Di bandar-bandar besar dapat menggunakan sambungan kuasa elektrik, di kampung-kampung sekadar menggunakan kuasa bateri motokar. Sekitar pertengahan 50-an, barulah bateri kering digunakan.

Awal penggunaan radio, penduduk luar bandar dan desa yang kurang mampu, tetapi berminat mendengar radio terpaksa datang bertandang ke rumah-rumah jiran yang mempunyai radio untuk sekadar mendengar berita. Walaupun ketika itu siarannya hanya beberapa jam sahaja. Kedai-kedai kopi dan restoran yang menyediakan kemudahan radio, pastinya penuh sesak didatangi pelanggan dari awal hingga akhir siaran 9.00 malam.

Semasa kependudukan Jepun 1941 (selama 3 tahun 8 bulan), mereka yang memiliki radio terpaksa memusnahkannya. Jika tidak mereka akan difitnahkan sebagai tali barut British. Jika didapati mereka yang memiliki radio atau mendengar berita luar negara, mereka boleh dihukum mati (dipancung di khalayak ramai). Radio Republik Indonesia (RRI) bermula sejak tahun 1945 menjelang hari kemerdekaan negara tersebut 17 Ogos, 1945. Dalam pemerintahan tentera Jepun (1942) mereka

mewujudkan beberapa stesen radio kecil di Pulau Pinang, Melaka dan Seremban bagi menyiaran dakyahnya di Tanah Melayu dan negara-negara Nusantara.

Sesudah merdeka pada 1957, rakyat semakin mampu memiliki radio, kabetulan harga getah mahal dan bijih timah juga mendapat pasaran utama dunia. Hampir setiap rumah mampu memiliki radio. Siaran radio pula sudah dipanjangkan sehingga 10.00 malam. Kandungan siarannya juga sudah dipelbagai, selain hiburan dan berita, dihidangkan juga persembahan drama radio dan bangawan di udara. Kedua-dua rancangan ini mendapat sambutan dan diminati pendengar.

Bagaimanapun, negeri Sabah pada sekitar tahun 1952 (masih dikenali sebagai North Borneo) mempunyai stesen radio sendiri, yang dipancarkan dari bandar Jesselton (kini Kota Kinabalu). Sementara radio Sarawak ditubuhkan 7 Jun, 1954 mempunyai stesen berlainan dipancarkan dari bandar Kuching. Sabah dan Sarawak menggunakan berbagai-bagai bahasa penyiaran mengikut suku kaum terbesar di negara itu.

Sesudah Malaya merdeka pada tahun 1957, stesen radio Malaya berpindah ke Kuala Lumpur dari Jalan Burma di Pulau Pinang, kemudian berpindah ke Jalan Mounbatten (kini Jalan Tun Perak), berpindah lagi ke Blaf Road (kini Jalan Cenderawasih), menjelang 31 Ogos, 1957 berpindah ke Federal House (Rumah Persekutuan) berhampiran Dataran Merdeka.

Apabila terbentuk Persekutuan Malaysia (16 September, 1963), Radio Malaya bertukar kepada Radio Malaysia, yang termasuk stesen di Utara Borneo dan Sarawak yang kemudian disebut Radio Malaysia Sabah dan Radio Malaysia Sarawak. Sementara Singapura mewujudkan stesennya sendiri. Negara Brunei Darussalam yang tidak jadi merdeka melalui Malaysia terus dengan aktivitinya melalui penyiaran Radio Brunei. Negara Brunei Darussalam mendapat kemerdekaan penuh daripada British pada 1 Januari 1984.

Sementara siaran radio ke sekolah-sekolah pada mulanya disiarkan dari Singapura berpindah ke Kuala Lumpur selepas merdeka. Mulanya menumpang di Bangunan Federal, kemudian berpindah pula (1966) ke Bangunan Sulaiman (Bekas Pejabat Pendidikan Selangor) di Jalan Raja (berhampiran stesen keretapi) Kuala Lumpur. Kini radio ke sekolah-sekolah bersatu dengan siaran televisyen ke sekolah-sekolah menengah menggunakan nama TV pendidikan, bertempat di Jalan Damansara, Kuala Lumpur.

## **Kemunculan Televisyen**

Berbeza pula dengan pemilik televisyen. Televisyen pertama di Malaysia bermula pada tahun 1963 dalam hitam putih. Manakala Brunei pada tahun 1975 terus menggunakan tatawarna. Singapura seawal tahun 1960 menggunakan tatawarna hitam putih. Sementara di Indonesia lebih awal (1955 - sepuluh tahun sesudah merdeka) dikenali sebagai Televisi Republik Indonesia (TVRI).

Kini (awal tahun 2004) Indonesia mempunyai 11 stesen TV termasuk TVRI, 10 stesen yang lain dimiliki swasta, antaranya RCTI, SCTV, TPI, Indosiar, Trans, LatiVi, TV7, antv, tvG dan METReTV. Kemajuan media elektronik di Indonesia paling dinamis, termaju dan gemilang. Indonesia juga merupakan negara pertama di Nusantara yang mengguna pakai sistem parabola yang dapat mencapai pelbagai rancangan dari pelbagai stesen di seluruh dunia.

Pada 1 Januari 1972, sesudah 9 tahun terbentuknya Persekutuan Malaysia, RTM mewujudkan siaran radio untuk luar negara yang dinamakan Suara Malaysia, khususnya bagi Indonesia, Inggeris, Mandarin dan Thailand.

Empat puluh empat tahun dahulu, pada 16 Mac, 1960 kabinet Persekutuan Tanah Melayu era Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, telah menubuhkan satu jawatankuasa kecil bagi mengkaji dan mewujudkan penyiaran televisyen di Tanah Melayu diketuai oleh Dato' Senu Abdul Rahman yang juga Menteri Penerangan Tanah Melayu pada ketika itu. Setelah menghantar pegawai-pegawai berlatih di BBC London, disertai dengan kemampuan yang ada, tertubuhlah Televisyen Malaysia, bertempat di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Siaran pertamanya bermula pada 28 Disember, 1963 iaitu sesudah 2 bulan tertubuhnya Persekutuan Malaysia. Siarannya masih dalam hitam putih.

Setelah beroperasi selama 3 tahun, Radio Televisyen Malaysia (RTM) berpindah ke bangunan baru (28 November, 1966) di Angkasapuri, di Bukit Putra, lembah Pantai. Dengan keluasan tapak 33 ekar persegi, bangunan tersebut menelan biaya sebesar RM 54 juta. Lima belas tahun kemudian (28 November 1978) televisyen Malaysia bertukar wajah dari hitam putih ke tata warna sehinggalah sekarang. Seperti yang kita maklum Malaysia kini mempunyai beberapa stesen TV termasuklah Astro, RTM, TV3, NTV7, 8TV, Channel 9 dan TV Pendidikan.

## Rujukan

Atondra. 1988. *Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd.

- . 2001. *Dari Lima Daerah*. Kuala Lumpur: RTM.
- . 2002. *Jagat Pendidik Malaysia*. Shah Alam: PBPPPM.
- . 1987. Minat Penduduk Berubah: Sejenak di Negara Brunei Darussalam. *Bacaria*. 4 April.

*Sejarah RTM*. 1972. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.

---

DATO' MOHD NORDIN ABDUL RAHMAN, PhD., or ATONDRA writes short stories, drama, poetry and novel. He teaches part time at the Screen Department, Faculty of Performing Arts, UiTM, Shah Alam.